

# UKM bangunkan kereta elektrik

**Singapura:** Institut Penyelidikan Tenaga Solar (SERI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bekerjasama dengan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) Singapura dan Kende-

raan Automotif Elektrik Malaysia Sdn Bhd (EVAM) bagi membantu dalam pembangunan kereta elektrik.

Dalam kerjasama pintar berkenaan, UKM bertanggungjawab mem-

bangunkan teknologi dan sistem pengurusan bateri, menyelidik pengurusan terma, keselesaan dan dinamik kenderaan serta infrastruktur pengecasan kereta elektrik berkenaan.

Ketua penyelidik UKM, Dr Halim Razali, berkata pasukannya bercadang menggunakan bateri Lithium Ion kerana bersifat lebih ringan tetapi padat bagi menggantikan bateri sedia ada yang

*Delegasi UKM berpeluang **meninjau projek terkini NTU dengan BMW** iaitu kereta sport yang memiliki enjin dwifungsi elektrik dan petrol.*



*Delegasi UKM melihat projek membangunkan **teksi berkuasa elektrik** untuk kawasan tropika di makmal NTU.*

lebih besar serta seberat satu pertiga daripada keseluruhan berat kereta.

## **Kurangkan saiz**

"Kumpulan penyelidik SERI turut bekerjasama dengan penyelidik Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Alam Bina bagi mengkaji kepelbagaian bahan yang boleh digunakan untuk bateri se-

perti minyak sawit, getah dan rumpai laut.

"Fokus utama mengurangkan saiz dan berat sehingga akhirnya bateri hanya akan kelihatan seperti segumpal plastik kering, tetapi tidak menjejaskan pengeluaran tenaga," katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UKM dengan NTU dan EVAM

di sini, baru-baru ini.

MoU berkenaan ditandatangani Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi) UKM, Prof Datuk Dr Mazlin Mokhtar; Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Tenaga NTU, Prof Dr Subodh Mhaisalkar dan Pengarah Eksekutif EVAM, Chuah Ban Cheng.

